

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN PRIHATIN RAKYAT (BPR) 2021

RAYUAN BPR 2021

- 1. S: Siapakah yang layak membuat Permohonan Rayuan BPR 2021?**

J: Pemohon yang layak membuat Permohonan Rayuan BPR 2021 adalah:

 - i. Pemohon yang berstatus Tidak Lulus BPR 2021; atau
 - ii. Pemohon yang berstatus Lulus BPR 2021 dan terhad kepada rayuan bagi tambahan anak, perubahan status perkahwinan dan perubahan pendapatan sahaja.

- 2. S: Saya telah membuat semakan status permohonan BPR 2021 dan didapati permohonan saya berstatus Tidak Lulus. Bilakah Permohonan Rayuan BPR 2021 bermula?**

J: Permohonan Rayuan BPR 2021 boleh dibuat **mulai 15 Jun 2021 sehingga 30 Jun 2021** (tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa).

- 3. S: Bagaimanakah kaedah Permohonan Rayuan BPR 2021?**

J: Permohonan Rayuan BPR 2021 boleh dibuat seperti berikut:

 - i. Secara dalam talian di Portal Rasmi BPR LHDNM, <https://bpr.hasil.gov.my> ; atau
 - ii. Penghantaran Borang Rayuan BPR 2021 di Cawangan / Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM yang berhampiran **secara janji temu**.

Anda digalakkan untuk membuat permohonan rayuan BPR 2021 secara dalam talian dengan mudah, cepat dan selamat.

- 4. S: Bagaimanakah janji temu boleh dibuat untuk hadir ke Cawangan LHDNM?**

J: Janji temu boleh dibuat secara dalam talian di Portal Rasmi BPR LHDNM, <https://bpr.hasil.gov.my>. Kaedah janji temu boleh dirujuk pada Panduan Pengguna Janji Temu.

- 5. S: Bagaimanakah Permohonan Rayuan BPR 2021 secara dalam talian boleh dilakukan?**

J: Permohonan Rayuan BPR 2021 secara dalam talian boleh dibuat dengan Log Masuk pada menu **MyBPR > Permohonan Rayuan**. Log masuk MyBPR memerlukan ID dan Kata Laluan yang telah didaftarkan sebelum ini. Sekiranya masih belum mendaftar MyBPR, sila rujuk Soalan Lazim (FAQ) Pendaftaran MyBPR bagi kaedah pendaftaran MyBPR di Portal Rasmi BPR LHDNM, <https://bpr.hasil.gov.my>

6. **S:** Adakah saya perlu memuatnaik dokumen sokongan semasa membuat Permohonan Rayuan BPR 2021 secara dalam talian?
- J: Ya. Dokumen sokongan diperlukan bergantung kepada kod tidak lulus Permohonan BPR 2021.
7. **S:** Saya membuat Permohonan Rayuan BPR 2021 secara dalam talian tetapi terdapat kesilapan maklumat semasa mengisi permohonan rayuan. Adakah saya masih boleh membuat kemas kini rayuan secara dalam talian?
- J: Kemas kini rayuan secara dalam talian boleh dibuat selagi rayuan masih belum diproses ataupun disemak oleh Cawangan LHDNM.
8. **S:** Saya telah membuat Permohonan Rayuan BPR 2021 secara dalam talian. Bagaimanakah cara untuk saya membuat semakan semula Permohonan Rayuan BPR 2021 yang telah saya hantar?
- J: Semakan semula Permohonan Rayuan BPR 2021 yang telah dihantar boleh dibuat di Portal Rasmi BPR LHDNM, <https://bpr.hasil.gov.my> pada Menu **MyBPR > Maklumat Rayuan**. Cetakan juga boleh dibuat pada Menu berkenaan.
9. **S:** Permohonan BPR 2021 telah dipohon atas nama pasangan saya yang telah meninggal dunia dan berstatus tidak lulus. Adakah saya perlu membuat Permohonan Rayuan BPR 2021 ke atas permohonan tidak lulus berkenaan?
- J: Tidak. Rayuan ke atas permohonan pasangan yang meninggal dunia tidak boleh dibuat. Anda perlu membuat Permohonan Baharu Rayuan BPR 2021 secara janji temu di Cawangan LHDNM jika menepati syarat kelayakan BPR 2021.

**PENGESAHAN PENGENALAN
KOD ALASAN 01 / 02 / 03**

10. **S:** Saya tidak lulus kerana perlu pengesahan pengenalan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan BPR 2021?
- J: Dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan adalah Dokumen asal / salinan MyKAD. Pemprosesan rayuan akan dibuat berdasarkan semakan maklumat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

11. S: Saya tidak lulus kerana maklumat pengenalan Pasangan / Anak berbeza dengan semakan data JPN. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan BPR 2021?

- J: Dokumen sokongan yang perlu dimuatnaik atau dikemukakan adalah:
- i. **Pengesahan Pengenalan Pasangan:** MyKAD / MyPR / MyKAS Pasangan.
 - ii. **Pengesahan Pengenalan Anak:** MyKad / MyKid dan Sijil Lahir Anak. Semakan pengenalan dan status warga negara anak akan dibuat dengan data JPN.

PENGESAHAN PENDAPATAN KOD ALASAN 08 / 09 / 38

12. S: Permohonan BPR 2021 saya tidak lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pendapatan pemohon / pasangan melebihi RM5,000 (bagi kategori Isi Rumah) / pendapatan pemohon melebihi RM2,500. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan BPR 2021?

- J: Pembuktian pendapatan pemohon / pasangan adalah tidak diperlukan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan BPR 2021 boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

13. S: Permohonan BPR 2021 saya tidak lulus kerana semakan pendapatan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan (Kod 38). Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan BPR 2021?

- J: Maklumat pendapatan tiada dalam rekod agensi pendapatan. Oleh itu, dokumen sokongan yang perlu dimuatnaik atau dikemukakan adalah seperti berikut:
- i. Slip Gaji bagi bulan Mac / April 2021; atau
 - ii. Akaun pengesahan pendapatan.

14. S: Permohonan BPR 2021 saya tidak lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pendapatan pemohon / pasangan melebihi RM5,000 termasuk perniagaan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa rayuan?

- J: Pembuktian pendapatan pemohon dan pasangan adalah tidak diperlukan. Semakan pendapatan dan pemilikan perniagaan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Walau bagaimanapun, sekiranya anda mempunyai sijil tamat perniagaan bagi perniagaan yang dinyatakan, dokumen tamat perniagaan yang diterima untuk dimuatnaik atau dikemukakan adalah dalam tempoh sehingga 28 Februari 2021.

15. S: Berapakah pendapatan perniagaan yang diambil kira bagi penentuan kelayakan BPR 2021?

J: Pendapatan perniagaan yang diambil kira bagi penentuan kelayakan BPR 2021 adalah RM2,501 bagi pemilikan 2 perniagaan milikan tunggal.

**PENGESAHAN PEMILIKAN PERNIAGAAN
KOD ALASAN 11 / 12 / 13 / 14**

16. S: Permohonan saya tidak lulus di bawah Kod Alasan 11 iaitu pemohon / pasangan memiliki 3 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan BPR 2021?

J: Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah menetapkan bagi permohonan BPR 2021 yang memiliki 3 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian adalah tidak layak BPR 2021.
Walau bagaimanapun, sekiranya anda mempunyai sijil tamat perniagaan bagi perniagaan yang dinyatakan, dokumen tamat perniagaan yang diterima untuk dimuatnaik atau dikemukakan adalah dalam tempoh sehingga 28 Februari 2021.

17. S: Sekiranya Permohonan BPR 2021 saya tidak diluluskan atas alasan pemohon / pasangan merupakan Pengarah Syarikat / memiliki Perkongsian Liabiliti Terhadap, apakah dokumen sokongan yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan BPR 2021?

J: Sekiranya pemohon / pasangan merupakan Pengarah Syarikat / memiliki Perkongsian Liabiliti Terhadap, sebarang pembuktian perniagaan tidak diperlukan kerana semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).
Namun, sekiranya anda mempunyai sijil letak jawatan pengarah syarikat / tamat perniagaan yang dikeluarkan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi perniagaan yang dinyatakan, dokumen letak jawatan / tamat perniagaan yang diterima untuk dimuatnaik atau dikemukakan adalah dalam tempoh sehingga 28 Februari 2021.

18. S: Saya merupakan Pemegang Saham tetapi syarikat berkenaan berstatus tidak aktif. Saya juga sudah tidak berhubung dengan Pengarah Syarikat berkenaan. Adakah saya layak untuk membuat Permohonan Rayuan BPR 2021?

J: Anda boleh membuat Permohonan Rayuan BPR 2021. Walau bagaimanapun, semakan silang akan dibuat dengan data agensi berkenaan. Sekiranya hasil semakan silang masih wujud sebagai Pemegang Saham Syarikat / syarikat masih aktif, rayuan anda tidak akan dipertimbangkan.

19. S: Permohonan BPR 2021 saya tidak lulus kerana memiliki perniagaan. Perniagaan saya dijalankan oleh anak saya. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan BPR 2021?

J: Anda boleh membuat Permohonan Rayuan BPR 2021. Walau bagaimanapun, sekiranya hasil semakan silang data agensi yang dibuat mendapati bahawa nama perniagaan berkenaan masih dimiliki oleh pemohon / pasangan, rayuan anda tidak akan dipertimbangkan.

ALASAN KOD-KOD LAIN TIDAK LULUS

20. S: Saya diluluskan BPR 2021 dengan amaun kelulusan RM500 (kategori pendapatan RM3,001 – RM4,000). Saya tidak bekerja mulai 1 Februari 2021. Adakah saya layak membuat Permohonan Rayuan BPR 2021?

J: Anda boleh membuat Rayuan Tambahan BPR 2021 bagi perubahan pendapatan secara dalam talian tanpa memuat naik sebarang dokumen sokongan pembuktian pendapatan pemohon / pasangan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

21. S: Permohonan BPR 2021 saya tidak lulus kerana tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang (Kod 06). Saya masih belajar dan adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan BPR 2021?

J: Pelajar tidak layak untuk membuat Permohonan BPR 2021. Walau bagaimanapun, sekiranya anda telah tamat belajar, Permohonan Rayuan BPR 2021 boleh dibuat dengan mengemukakan dokumen pembuktian tamat belajar bagi tahun 2020/2021.

22. S: Permohonan BPR 2021 saya tidak lulus kerana tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang (Kod 06). Adakah saya layak untuk membuat Permohonan Rayuan BPR 2021 dan apakah dokumen sokongan yang perlu saya kemukakan?

J: Anda boleh membuat Permohonan Rayuan BPR 2021 sekiranya berumur 21 tahun dan ke atas atau 18 tahun dan ke atas bagi pemohon berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Dokumen sokongan yang perlu dimuatnaik atau dikemukakan adalah:

- i. Dokumen pembuktian tamat belajar bagi tahun 2020/2021 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas; atau
- ii. Salinan Kad OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

23. S: Permohonan BPR 2021 saya tidak lulus kerana semakan mendapati anak mempunyai pendapatan yang tinggi (Kod 20). Adakah saya layak untuk membuat Permohonan Rayuan BPR 2021 dan apakah dokumen sokongan yang perlu saya kemukakan?

J: Kerajaan telah menetapkan bagi Ibu Bapa yang mempunyai anak berpendapatan tinggi, Bantuan BPR 2021 dari Kerajaan tidak layak diterima. Ini bertujuan mewujudkan Keluarga Penyayang di Malaysia. Walau bagaimanapun, tuan boleh membuat Permohonan Rayuan BPR 2021 tanpa perlu kemukakan sebarang dokumen sokongan. Semakan akan dibuat semula berdasarkan data agensi bagi penentuan kelayakan BPR 2021.

24. S: Maklumat anak saya adalah tidak layak kerana tidak melepasi syarat kelayakan umur lebih dari 19 tahun sebagai pelajar sepenuh masa tetapi anak saya masih lagi belajar. Adakah saya masih boleh membuat rayuan tambahan bagi maklumat anak tersebut?

J: Rayuan tambahan BPR 2021 boleh dilakukan dengan mengemukakan dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi tahun 2020/2021.

25. S: Permohonan BPR 2021 saya tidak lulus kerana semakan mendapati Pemohon / Pasangan telah menerima Geran Khas Prihatin (GKP). Adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan BPR 2021?

J: Permohonan Rayuan BPR 2021 dibenarkan sekiranya:

- i. Pemulangan sekurang-kurangnya bantuan Geran Khas Prihatin Tambahan (GKP PERMAI) telah dibuat dan diterima Kementerian Kewangan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mei 2021; atau
- ii. Status pembayaran GKP 1.0 / GKP 2.0 dan GKP PERMAI adalah berstatus Gagal Kredit.

Walaupun bagaimanapun, semakan semula Permohonan Rayuan BPR 2021 adalah berdasarkan kriteria kelayakan yang telah ditetapkan. Dokumen sokongan yang diperlukan adalah merujuk kepada kod tidak lulus Permohonan BPR 2021 yang berkenaan.

26. S: Permohonan BPR 2021 saya tidak lulus kerana semakan mendapati pasangan telah menerima Geran Khas Prihatin. Walau bagaimanapun, saya telah bercerai. Adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan BPR 2021?

J: Permohonan Rayuan BPR 2021 dibenarkan sekiranya berlaku perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 28 Februari 2021. Dokumen pengesahan perkahwinan berkenaan perlu disertakan semasa tempoh permohonan rayuan dibuat.

27. S: Permohonan BPR 2021 saya diluluskan sebagai kategori Bujang. Walau bagaimanapun saya telah berkahwin. Adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan BPR 2021 dengan status kahwin?

J: Rayuan tambahan BPR 2021 bagi perubahan status perkahwinan hanya dibenarkan bagi perubahan status daripada Bujang atau Ibu / Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda kepada Kahwin sahaja.
Dokumen pembuktian perkahwinan yang diterima hanya tertakluk kepada tarikh berkahwin sebelum atau pada 28 Februari 2021.

28. S: Apakah Dokumen Sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan BPR 2021?

J: Dokumen sokongan yang perlu dimuatnaik di sistem BPR atau dikemukakan semasa Permohonan Rayuan BPR 2021 adalah berdasarkan Kod Tidak Lulus BPR 2021 seperti di bawah:

KOD TIDAK LULUS BPR 2021 DAN DOKUMEN SOKONGAN

KOD TIDAK LULUS		PENERANGAN
01	ALASAN	Maklumat Pengenalan Pemohon berbeza dengan semakan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melibatkan Nama / Nombor Pengenalan / Status Kewarganegaraan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah MyKAD Pemohon
02	ALASAN	Maklumat Pengenalan Pasangan berbeza dengan semakan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah MyKAD / MyPR / MyKAS Pasangan
03	ALASAN	Maklumat Pengenalan Anak berbeza dengan semakan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKAD / MyKID Anak; dan ii. Sijil Lahir Anak (bagi pengesahan status Kewarganegaraan)
04	ALASAN	Hubungan Pertalian antara Anak dan Pemohon / Pasangan tidak sepadan dengan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKAD / MyKID Anak; dan ii. Sijil Lahir Anak / Sijil Daftar Anak Angkat (bagi pengesahan hubungan pertalian)
05	ALASAN	Maklumat Pengenalan Pasangan perlu pengesahan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah Dokumen Pengenalan Pasangan

06	ALASAN	Pemohon tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Semakan status Orang Kurang Upaya (OKU) akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); atau ii. Dokumen salinan yang boleh dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none"> • Kad OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iii. Dokumen pembuktian tamat belajar bagi tahun 2020/2021 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas
07	ALASAN	Semakan agensi mendapati Anak tidak melepasi syarat kelayakan bagi umur lebih dari 19 tahun sebagai Pelajar Sepenuh Masa
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi tahun 2020/2021
08	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM5,000
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan pendapatan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
09	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM2,500
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan pendapatan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
10	ALASAN	Anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan ii. Semakan pendapatan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
11	ALASAN	Pemohon / Pasangan memiliki 3 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> i. Dokumen Tamat Perniagaan dalam tempoh sehingga 28 Februari 2021; atau ii. Sijil Pendaftaran Perniagaan sekiranya tidak lulus disebabkan pemohon dan pasangan mempunyai perniagaan yang sama.
12	ALASAN	Pemohon berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Semakan maklumat perniagaan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

		ii. Namun, sekiranya anda mempunyai sijil letak jawatan pengarah syarikat / tamat perniagaan yang dikeluarkan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi perniagaan yang dinyatakan, dokumen letak jawatan / tamat perniagaan yang diterima untuk dimuatnaik atau dikemukakan adalah dalam tempoh sehingga 28 Februari 2021.
13	ALASAN	Pasangan berdaftar sebagai Pemegang Saham / Pengarah Syarikat / Perkongsian Liabiliti Terhad
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Semakan maklumat perniagaan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) ii. Namun, sekiranya pasangan mempunyai sijil letak jawatan pengarah syarikat / tamat perniagaan yang dikeluarkan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi perniagaan yang dinyatakan, dokumen letak jawatan / tamat perniagaan yang diterima untuk dimuatnaik atau dikemukakan adalah dalam tempoh sehingga 28 Februari 2021.
14	ALASAN	Pemohon memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Semakan maklumat perniagaan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) ii. Namun, sekiranya anda mempunyai sijil letak jawatan pengarah syarikat / tamat perniagaan yang dikeluarkan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi perniagaan yang dinyatakan, dokumen letak jawatan / tamat perniagaan yang diterima untuk dimuatnaik atau dikemukakan adalah dalam tempoh sehingga 28 Februari 2021.
15	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati jumlah pemilikan kenderaan Pemohon / pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40)
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Dokumen penukaran hak milik Kenderaan; atau ii. Dokumen penjualan / Pelupusan Kenderaan
16	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati jumlah pemilikan kenderaan Anak melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40).
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. Dokumen penukaran hak milik Kenderaan; atau ii. Dokumen penjualan / Pelupusan Kenderaan
17	ALASAN	Pemohon / Pasangan mempunyai Transaksi Pemilikan Hartanah / Pembelian Saham Hartanah yang melebihi RM500,000
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	i. Tidak perlu sebarang pembuktian Pemilikan Hartanah / Pembelian Saham Hartanah ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

18	ALASAN	Pemohon tidak menetap di Malaysia / bekerja / belajar di Luar Negara berdasarkan rekod agensi
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak perlu sebarang pembuktian menetap di Malaysia ii. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
19	ALASAN	Permohonan dari Luar Negara secara dalam talian
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen pembuktian menetap di Malaysia dalam tempoh sehingga 28 Februari 2021 ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penyata KWSP pemohon bagi tahun 2020 (jika terdapat potongan satu bulan dalam tahun 2020, boleh dipertimbangkan); atau ii. Penyata Pendapatan Tahunan pemohon (EA / EC) tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Majikan di Malaysia; atau iii. Bil utiliti bagi tahun 2021 atas nama pemohon. <p>Pemohon kategori Warga Emas boleh dipertimbang secara terus oleh LHDNM tanpa pembuktian menetap di Malaysia.</p>
20	ALASAN	Semakan mendapati Anak Pemohon / Pasangan mempunyai pendapatan yang tinggi
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Tidak layak rayuan BPR 2021 kerana anak berpendapatan tinggi dan telah membuat tuntutan pelepasan cukai untuk ibu bapa.
21	ALASAN	Pemohon wujud sebagai pasangan di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 28 Februari 2021 2. Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none"> i. Status Kahwin <ul style="list-style-type: none"> a) MyKAD Pemohon; dan b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban) ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ul style="list-style-type: none"> a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)
22	ALASAN	Pemohon wujud sebagai Anak di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah Sijil Lahir Pemohon

23	ALASAN	Pasangan wujud sebagai pemohon di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 28 Februari 2021 2. Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> i. Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> a) MyKAD Pemohon; dan b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban) ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)
24	ALASAN	Pasangan wujud sebagai pasangan di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 28 Februari 2021 2. Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> i. Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> a) MyKAD Pemohon; dan b) Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban) ii. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)
25	ALASAN	Pasangan wujud sebagai Anak di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah Sijil Lahir Pasangan
26	ALASAN	Anak telah membuat permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan

27	ALASAN	Anak wujud sebagai Pasangan di permohonan lain
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Anak berkenaan Tidak layak dipertimbangkan
29	ALASAN	Pemohon berstatus Kahwin tetapi tiada maklumat Pasangan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none"> Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 28 Februari 2021 Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> MyKAD Pemohon; dan MyKAD / MyPR / MyKAS Pasangan; dan Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)
30	ALASAN	Pemohon berstatus Kahwin tetapi maklumat Pasangan tidak lengkap
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none"> Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 28 Februari 2021 Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> MyKAD Pemohon; dan MyKAD / MyPR / MyKAS Pasangan; dan Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)
31	ALASAN	Status Perkahwinan perlu pengesahan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none"> Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 28 Februari 2021 Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> Status Kahwin <ol style="list-style-type: none"> MyKAD Pemohon; dan Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban)

32	ALASAN	Tarikh Perceraian memerlukan Salinan Sijil Perceraian yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertimbangan hanya diberikan bagi perubahan status perkahwinan sebelum atau pada 28 Februari 2021 2. Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> i. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> a) Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)
33	ALASAN	Tarikh Kematian Pasangan memerlukan Salinan Sijil Kematian Pasangan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> i. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> a) Sijil Kematian Pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan); atau c) Sijil Perkahwinan (Pembuktian maklumat pasangan yang meninggal dunia)
34	ALASAN	Pasangan meninggal dunia
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ol style="list-style-type: none"> i. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda <ol style="list-style-type: none"> a) Sijil Kematian Pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; dan b) Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan); atau c) Sijil Perkahwinan (Pembuktian maklumat pasangan yang meninggal dunia)
35	ALASAN	Anak meninggal dunia
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Anak berkenan Tidak layak dipertimbangkan
36	ALASAN	Pemohon / Pasangan penerima GKP
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak layak rayuan kecuali situasi di bawah: <ol style="list-style-type: none"> i. Membuat pemulangan GKP sebelum atau pada 31 Mei 2021; atau ii. Pembayaran GKP [(GKP 1.0 / 2.0 dan GKP Tambahan (Permai)] berstatus gagal kredit; atau iii. Berlaku perubahan status perkahwinan dan bekas pasangan adalah penerima GKP 2. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat perniagaan 3. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

37	ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM5,000 termasuk perniagaan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<ul style="list-style-type: none">i. Semakan pendapatan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)ii. Dokumen Tamat Perniagaan dalam tempoh sehingga 28 Februari 2021
38	ALASAN	Semakan pendapatan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none">i. Slip gaji Mac / April 2021; atauii. Akuan pengesahan pendapatan.
39	ALASAN	Semakan pendapatan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan termasuk perniagaan
	TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen salinan yang perlu dikemukakan ialah: <ul style="list-style-type: none">1. Pengesahan pendapatan<ul style="list-style-type: none">i. Slip gaji Mac / April 2021; atauii. Akuan pengesahan pendapatan2. Pengesahan pemilikan perniagaan<ul style="list-style-type: none">i. Semakan pendapatan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)ii. Dokumen Tamat Perniagaan dalam tempoh sehingga 28 Februari 2021